

Headline	TINGKAT KUALITI PERABOT		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	26 Jan 2018	Color	Full Color
Section	Agro	Circulation	179,231
Page No	6	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	837 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 32,973
Frequency	Daily	PR Value	RM 98,918

TINGKAT KUALITI PERABOT

FRIM terima permintaan ujian daripada lebih 1,200 pelanggan

INOVASI

Mohamad Hussin
mohamad_hussin@hmetro.com.my

Makmal Ujian Perabot (FTL Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang ditubuhkan sejak 1989 terus rancang memainkan peranannya untuk membantu pengusaha mempertingkatkan tahap kualiti perabot bagi pasaran tempatan dan luar negara.

Ia dilakukan melalui ujian perabot dan khidmat nasihat berkaitan pengujian.

FTL yang pertama di rantau Asia memperoleh akreditasi Furniture Industry Research Association (FIRA) dari United Kingdom akan menambah skop ujian seiring dengan perkembangan terkini bagi memenuhi keperluan jaminan kualiti produk tempatan.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohmod berkata, FTL memperoleh akreditasi FIRA pada 16 September 1994 untuk skop ujian perabot.

Beliau berkata, ia meliputi kekuatan, ketahanan, kestabilan dan keselamatan bagi membantu perabot tempatan menembusi pasaran Eropah terutama United Kingdom.

"Makmal ini turut memperoleh pensijilan ISO 9001 pada 2006 dan akreditasi ISO/IEC 17025 pada 2010 daripada Jabatan Standard Malaysia (DSM).

"Kini, skop ujian ditambah daripada tiga kepada 11 produk

merangkumi perabot domestik, bukan domestik serta kegunaan luar bangunan," katanya.

Abd Latif berkata, kaedah dan pelaporan ujian FTL juga diperakui badan dunia iaitu 'International Laboratory Accreditation Cooperation - Mutual Recognition Agreement (ILAC-MRA)' pada 2011 yang setanding makmal perabot lain dalam menjalankan ujian mengikut standard antarabangsa.

"Selain standard British (BS EN), makmal ini juga mampu menjalankan ujian berdasarkan piawaian antarabangsa lain seperti Business and Institutional Furniture Manufacturers Association (BIFMA) di Amerika Syarikat, Australia dan New Zealand.


"Kadar yuran yang dikenakan berdasarkan jenis perabot dan juga jenis ujian diperlukan.

"Hingga hari ini, FRIM menerima permintaan ujian lebih 1,200 pelanggan. Kira-kira 60 peratus daripadanya adalah syarikat pengeksport manakala 40 peratus lagi syarikat bagi pasaran tempatan," katanya.

Menurutnya, FTL pernah menjalankan kerjasama dengan syarikat bertaraf antarabangsa seperti IKEA pada 1994 hingga 1996 dan juga mengadakan perkongsian kepakaran bersama peserta luar negara untuk menjalankan ujian perabot.

"Selain pelanggan dalam negara, FTL turut menerima pelanggan dari Denmark, Vietnam, Indonesia, United Kingdom, Sepanyol, Sri Lanka dan Singapura.

"Inisiatif Perkhidmatan Pensijilan Produk



FRIM (FRIM PCS) yang diperkenalkan sejak 2013 akan menyumbang kepada peningkatan pelanggan.

"FTL sedang menaiki taraf infrastruktur bagi menampung permintaan selaras dengan pelaksanaan syarat pensijilan FRIM PCS oleh Kementerian Kewangan (MOF) terhadap semua pembekal perabot berpusat yang dijangka akan berkuat kuasa tahun ini," katanya.

Katanya, selain menambah skop ujian bagi produk perabot di bawah pensijilan FRIM PCS, FTL juga merancang meningkatkan skop perkhidmatannya berdasarkan keperluan ujian baru bagi pelanggan.

"Antaranya ujian mudah terbakar yang menjadi keperluan bagi pengeksport perabot ke Eropah sekarang. "Sementara pada Januari 2015, FTL diiktiraf sebagai makmal ujian perabot pertama dibangunkan di Malaysia oleh Malaysia Book of Records (MBR)," katanya.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut boleh menghubungi akhairul@frim.gov.my atau sitizalehaali@frim.gov.my.